

**PM umum durian runtuh RM1.69 bilion untuk peneroka**  
**Utusan Online**  
**08 Mei, 2012**

MARAN 8 Mei - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan durian runtuh berjumlah RM1.69 bilion kepada kira-kira 112,000 peneroka di seluruh negara iaitu RM15,000 bagi setiap keluarga berikutan penyenaian Felda Global Ventures Holdings (FGVH).

Menurut Perdana Menteri, RM5,000 akan diberi kepada peneroka dan masing-masing RM5,000 lagi kepada isteri dan generasi kedua dengan agihan akan dibuat dalam tiga fasa.

Katanya, fasa pertama agihan akan dibuat sebaik sahaja pengumuman dibuat.

"Peneroka dapat, isteri peneroka dapat, anak peneroka pun dapat dalam durian runtuh penyenaian FGVH.

"Satu lagi ialah `durian gugur' iaitu sebanyak 20 peratus saham kita masukkan dalam tabung amanah yang dividennya kita bagi kepada keluarga peneroka," katanya pada majlis himpunan bersama warga peneroka di Felda Jengka 8 hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0508&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_22.htm](http://www.utusan.com.my/info.asp?y=2012&dt=0508&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_22.htm)